

01 MAR 2003

Mahathir-Minyak (Bergambar)

KENAIKAN HARGA MINYAK UNTUK SELAMATKAN EKONOMI NEGARA, KATA PM

LANGKAWI, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan terpaksa meluluskan kenaikan harga minyak bagi mengelak daripada menanggung subsidi yang semakin bertambah berikutan penggunaan dalam negeri yang semakin meningkat.

Beliau berkata penggunaan minyak dalam negeri meningkat kepada 550,000 tong daripada 350,000 tong sehari sedangkan jumlah pengeluaran minyak negara kekal pada paras 650,000 tong sehari.

"Kerajaan menanggung kos subsidi yang tinggi berikutan penggunaan minyak yang semakin meningkat dan sekiranya kerajaan terus menanggung subsidi yang tinggi, ekonomi negara boleh terjejas teruk. Kita tidak akan membiarkan perkara ini berlaku," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Langkawi Lagoon Resort di Padang Matsirat di sini.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kenaikan harga petrol dan diesel naik dua sen seliter dan gas petroleum, cecair (LPG) naik dua sen sekilogram mulai hari ini.

Kali terakhir harga petrol naik ialah November lepas, sebanyak satu sen manakala diesel dan LPG naik dua sen. Kenaikan kali ini adalah yang keempat dalam tempoh tiga tahun.

Ditanya sama ada kenaikan harga minyak ini akan menjejaskan daya saing industri tempatan dan membebankan pengguna, Perdana Menteri berkata kenaikan harga minyak ini berlaku di seluruh dunia.

"Kos pengeluaran yang meningkat disebabkan kenaikan harga minyak itu juga dialami oleh negara lain dan mungkin kenaikan di negara mereka lebih buruk dari kita," katanya.

Katanya semua pengguna di dunia merasai kesan kenaikan harga minyak itu.

Dr Mahathir berkata kenaikan itu juga tidak akan menjejaskan daya saing syarikat penerbangan negara.

"Bukan sahaja MAS (Penerbangan Malaysia) malahan syarikat penerbangan lain alami kenaikan kos. Ini adalah "common factor" (faktor sepunya) dan ia tidak akan mengurangkan daya saing MAS," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan berharap dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara pada kadar empat peratus setahun.

Tetapi, beliau berkata kadar terbabit tertakluk kepada keadaan semasa dunia dan jika berlaku peperangan, ia akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara.

"Mungkin tidak tercapai empat peratus jika peperangan berlaku. Tetapi jika tiada peperangan, dengan program yang kerajaan lancarkan, kerajaan yakin boleh capai kadar pertumbuhan empat peratus setahun," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mahu terus bergantung kepada pelaburan terus asing (FDI) sebaliknya menumpukan kepada pelaburan tempatan, dengan kerajaan akan menolong pelabur dan pengusaha untuk mengadakan projek dan membesarkan industri supaya sumbangan daripada dalam negara menjadi lebih penting daripada sumbangan luar negara.

"Kita tahu Jepun dan Korea, ekonomi mereka tumbuh bukan kerana FDI. Banyak berpendapat tanpa bergantung kepada FDI, tidak mungkin ekonomi kita akan berkembang, itu tidak benar. Daripada dalam kita boleh ransang ekonomi negara," katanya.

-- BERNAMA

MAN MZM ZS LAT